


AusAlert™ panduan keselamatan untuk mangsa yang terselamat

AusAlert ialah sistem amaran kebangsaan baru Australia. Ia menggunakan teknologi terkini untuk menghantar mesej kecemasan ke peranti mudah alih yang serasi semasa berlaku bencana seperti kebakaran hutan, cuaca buruk dan kecemasan kesihatan awam.



Apakah kegunaan AusAlert?

AusAlert ialah cara yang pantas dan boleh dipercayai untuk membantu memastikan komuniti sentiasa dimaklumkan dan bersedia dengan lebih baik semasa kecemasan tempatan dan kebangsaan. Ia memberi keupayaan kepada Kerajaan Australia dan organisasi perkhidmatan kecemasan negeri dan wilayah untuk menghantar amaran di peringkat kebangsaan atau tempatan. Ini hanyalah salah satu daripada pelbagai cara kami membantu memastikan rakyat Australia lebih selamat semasa bencana.

Bagaimanakah bunyi AusAlert?

Jika telefon, tablet atau jam tangan pintar anda dihidupkan, AusAlert mungkin:

- membuatkan ia bergetar
- mainkan bunyi seperti-siren yang kuat selama 10 saat
- menghidupkan skrin secara automatik.

Ini mungkin berlaku walaupun kelantangan direndahkan atau peranti anda dalam keadaan senyap atau jangan ganggu.

Bagaimana untuk kekal selamat dengan AusAlert

AusAlerts direka bentuk untuk menarik perhatian orang ramai dengan cepat semasa kecemasan, bagi membantu memastikan mereka selamat. **Sesetengah AusAlerts tidak boleh dimatikan.** Bagi mereka yang menggunakan peranti keselamatan, menerima AusAlert mungkin menimbulkan kebimbangan, kerana ia boleh menjadikan peranti tersebut lebih mudah dicari, terutamanya jika ia bertujuan untuk disembunyikan.

Apa yang perlu anda lakukan

Jika anda fikir bahawa mungkin tidak selamat untuk anda atau seseorang yang anda sayangi untuk menerima AusAlert:

- pastikan peranti keselamatan anda dimatikan ATAU
- dalam mod pesawat (jika anda mempunyainya) KECUALI
- jika anda perlu menggunakannya.

Ingat - anda masih boleh menggunakan wi-fi jika peranti anda berada dalam mod pesawat. Jika ia tidak mempunyai mod pesawat, matikannya sahaja.



Bagaimanakah saya mematikan peranti saya?

Apple (peranti iOS seperti iPhone dan Apple Watches)

Jika peranti anda menggunakan Face ID:

- tekan dan tahan butang sebelah kanan dan mana-mana butang kelantangan pada masa yang sama sehingga 'sliders' (gelangsar) muncul
- seret 'slide to power off' (gelangsar untuk matikan kuasa) dari kiri ke kanan.

Jika peranti anda mempunyai butang Home (Laman Utama):

- tekan dan tahan butang sebelah kanan sehingga 'slider' (gelangsar) muncul
- seret 'slide to power off' (gelangsar untuk matikan kuasa) dari kiri ke kanan.

Untuk menghidupkan semula mana-mana peranti, tekan dan tahan butang sebelah kanan sehingga logo Apple muncul.

Sila ambil perhatian: makluman AusAlerts tidak diterima oleh iPad Apple.


Android (peranti seperti telefon, dan sebahagian tablet serta jam tangan pintar)

Untuk peranti Android:

- tekan dan tahan butang kuasa di sebelah kiri atau kanan peranti anda sehingga menu kuasa muncul
- tekan butang 'Power Off' (Matikan Kuasa).

Untuk menghidupkan semula peranti anda, tekan dan tahan butang kuasa sehingga logo pengeluar peranti anda dipaparkan.

Ingat juga untuk turut mematikan sebarang peranti keselamatan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam jagaan anda.



Bagaimanakah saya menukar peranti saya kepada mod pesawat?

Apple (peranti iOS seperti iPhone dan Apple Watches)

Untuk menghidupkan mod pesawat:

- Pergi ke 'Settings (Tetapan)'
- hidupkan togol 'Aeroplane Mode (Mod Pesawat)'
- ikon pesawat akan muncul di bahagian atas skrin.

Untuk mematikan semula mod pesawat:

- Pergi ke 'Settings (Tetapan)'
- matikan togol 'Aeroplane Mode (Mod Pesawat)'
- Ikon pesawat di bahagian atas skrin sepatutnya hilang.

Sila ambil perhatian: makluman AusAlerts tidak diterima oleh iPad Apple.

Android (peranti seperti telefon, dan sebahagian tablet serta jam tangan pintar)

Untuk menghidupkan mod pesawat:


- Pergi ke 'Settings (Tetapan)'
- ketik pada 'Network (Rangkaian) & internet'
- hidupkan togol 'Aeroplane Mode (Mod Pesawat)'
 - ikon pesawat akan muncul di bahagian atas skrin.

Untuk mematikan semula mod pesawat:

- Pergi ke 'Settings (Tetapan)'
- ketik pada 'Network (Rangkaian) & internet'
- matikan togol 'Aeroplane Mode (Mod Pesawat)'
- Ikon pesawat di bahagian atas skrin sepatutnya hilang.

Bagaimanakah rupa AusAlert?

Bergantung pada jenis peranti dan sistem pengendalian anda, mesej AusAlert akan kelihatan seperti ini:



Mesej AusAlert yang dipaparkan pada skrin hanyalah contoh dan bukan AusAlerts sebenar.

Anda boleh mempercayai AusAlert

AusAlert telah dibangunkan oleh Kerajaan Australia dan adalah selamat dan terjamin. Hanya organisasi perkhidmatan kecemasan yang diberi kuasa dan Kerajaan Australia boleh menghantar AusAlerts.

AusAlert **tidak akan:**

- memerlukan anda mendaftar
- meminta butiran peribadi atau kewangan
- mengetahui atau menyimpan maklumat peribadi atau nombor telefon anda
- menjejaki lokasi anda atau berkongsi sejarah lokasi anda, walaupun peranti anda disambungkan ke ID yang dikongsi.

Bagaimana jika saya menerima AusAlert pada peranti keselamatan saya?

Jika peranti keselamatan anda dihidupkan dan menerima AusAlert, ia akan mengeluarkan **bunyi seperti siren yang kuat selama kira-kira 10 saat** dan kemudian berhenti. Ini sepatutnya hanya berlaku sekali, walau bagaimanapun anda mungkin menerima amaran lain jika maklumat baharu mengenai kecemasan diedarkan.

Cuba bertenang. **Jika anda tidak selamat, hubungi 000 dengan segera** dan ikuti pelan keselamatan anda.

Jika selamat untuk berbuat demikian, baca mesej AusAlert dan ikut arahan untuk memastikan keselamatan diri anda dan orang lain.

Sentiasa kekal mendapat maklumat

AusAlert hanyalah salah satu cara untuk kekal selamat semasa bencana. Anda juga boleh menghidupkan TV atau radio tempatan atau nasional, menyemak aplikasi perkhidmatan kecemasan, mencari maklumat lanjut dalam talian atau menghubungi keluarga, rakan atau jiran.

Bantuan dan nasihat

Jika anda bimbang tentang keselamatan terkini anda, hubungi 000.

Untuk nasihat atau sokongan:

- tentang keselamatan anda, hubungi 1800RESPECT di 1800 737 732
- di kawasan tempatan anda, lawati laman web ANROWS di anrows.org.au/support-directory
- Jika anda seorang Orang Asli atau Orang Kepulauan Selat Torres, hubungi 13YARN di 13 92 76.

Untuk maklumat lanjut, layari laman ausalert.gov.au